

SOALAN NO.: 88

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 27 JULAI 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa adakah Kerajaan bercadang mengubahsuaikan projek lebuh raya Pan Borneo di Pasar Jakar, supaya jambatan yang melalui Sg Sarikei di Jakar boleh ditinggikan atau diubahsuai dengan memudahkan "U-turn" di bawah jambatannya. Pengubahsuaian ini boleh memudahkan orang ramai terutamanya penduduk-penduduk dari Jalan Merudu/Meruton masih boleh masuk ke Pasar Jakar supaya Pasar Jakar tidak ditinggalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pakej Sungai Awik ke Simpang Bintangor, Kerajaan tiada cadangan untuk menyediakan lokasi pusingan U (U-turn) di bawah jambatan Sg Sarikei. Ini memandangkan terdapat 25 pusingan P (P-turn) akan dibina sebagai kemudahan penduduk tempatan di sepanjang jajaran tersebut. Bagi Pasar Jakar yang terletak di berdekatan dengan jambatan Sg Sarikei, terdapat satu pusingan P (P-turn) akan dibina sebelum dan selepas Pasar Jakar bagi memudahkan komuniti di sekitar Sarikei untuk keluar masuk kawasan Pasar Jakar tersebut.

Sekian, terima kasih.